

RM50j bina kemudahan sukan, stadium UTM

Semua universiti di negara ini sudah memiliki stadium tetapi UTM masih menumpang stadium institusi lain

Oleh SUHANA
ABDUL MUTALIB

UM 13/5/06 ms.26

SHAH ALAM 12 Mei - Kementerian Pengajian Tinggi akan memperuntukkan RM50 juta kepada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi membolehkan institusi itu memiliki kemudahan sukan dan stadium sendiri.

Menterinya, Datuk Mustapa Mohamed berkata, ia merupakan sebahagian daripada peruntukan RM250 juta bagi kementerian itu yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) baru-

baru ini.

"UTM pernah kata dulu, semua universiti di negara ini sudah memiliki stadium masing-masing tetapi mereka (UTM) masih menumpang stadium milik institusi lain.

"Jadi sukacita saya maklumkan, kita telah bersetuju untuk memperuntukkan RM50 juta untuk mereka memiliki stadium sendiri," katanya ketika berucap merasmikan kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2006 di sini malam ini.

Kejohanan itu akan berlangsung di Universiti Teknologi Mara (UiTM) sehingga 22 Mei ini membabitkan 19 kontinjen Institusi Pengajian Tinggi Awam dalam negara.

**MUSTAPA
MOHAMED**
Menteri
Pengajian
Tinggi



MUSTAPA Mohamed melawat perbarisan kontinjen UiTM dan 17 kontinjen lain pada perasmian Kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2006 di UiTM, Shah Alam, Selangor malam tadi.
- Gambar **ABY BAIZURA HARUN**